

NO. SOALAN : 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB. Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan atau pengaruh terhadap sektor pelancongan di Malaysia sehubungan dengan pemutusan hubungan diplomatik negara Arab dengan negara Qatar yang menyebabkan pembatalan penerbangan Qatar Airways. Adakah masalah ini menjejaskan kedatangan pelancong Arab ke Malaysia.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengambil maklum akan situasi yang berlaku di Asia Barat termasuklah negara Qatar. Meskipun terdapat negara-negara seperti Arab Saudi, Bahrain, Emiriah Arab Bersatu dan Mesir telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Qatar, ianya tidak memberi impak secara langsung kepada ketibaan pelancong dari pasaran Asia Barat ke Malaysia.

Kementerian melalui Tourism Malaysia (TM) akan meneruskan program-program promosi dan pengiklanan bagi menarik kedatangan pelancong dari negara-negara Arab termasuklah pelancong-pelancong dari Qatar. Syarikat Penerbangan Qatar Airways masih meneruskan penerbangan mereka ke Malaysia seperti biasa tanpa sebarang pembatalan dilaporkan.

Di samping itu, Kementerian sentiasa memberi penekanan kepada perkongsian pintar dengan syarikat-syarikat penerbangan seperti Air Asia, Emirates Airlines, Etihad Airways dan Singapore Airlines dalam meningkatkan kemudahsampaian udara ke Malaysia, terutamanya di pasaran yang tiada perkhidmatan Malaysia Airlines, dengan rangkaian penerbangan yang luas di pasaran Asia Barat oleh syarikat-syarikat penerbangan berkenaan.

Kementerian melalui Pejabat TM di Asia Barat akan terus memantau ketibaan para pelancong dari pasaran tersebut.

Sekian, terima kasih.